

KELAMAT-KEOMBO'AN:
PERMAINAN WATAK MELALUI PENYATUAN ELEMEN KELIMA
DALAM PERSEMBAHAN TEATER RITUAL IGAL ETNIK BAJAU PANTAI
TIMUR SABAH

KELAMAT-KEOMBO'AN:
ROLE PLAY THROUGH THE FIFTH ELEMENTS UNIFICATION IN IGAL
THEATRE-RITUAL PERFORMANCE OF SABAH EAST COAST BAJAU

Sharifuddin Zainal¹
Mohd Kipli Abdul Rahman²
Esterlina Moo Chin Len Lazarus³
Muhamed Syafiq Salleh⁵
Yeon Amsalie @ Amsalib Pisali⁶
Patta Arifin Hussin⁷
Mohamad Nor Hisyam bin Musa⁸

^{1,3,4,5,7}*Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF), Universiti Malaysia Sabah*

^{1, 2, 6}*FMSP, Universiti Pendidikan Sultan Idris*

⁸*SPSK, Albukhary International University*

sharifuddin@ums.edu.my; kipli@fmsp.upsi.edu.my; stherlaz@gmail.com;

syafiqsalleh87@ums.edu.my; amsalib@fmsp.upsi.edu.my;

pattaariffinhussin@gmail.com; hisyammusa@gmail.com

Tarikh diterima: 10 Januari 2021/Tarikh dihantar: 16 Ogos 2021

ABSTRAK

Bajau Laut adalah pecahan daripada etnik besar Bajau yang kebanyakannya mendiami pesisir pantai timur Sabah, Malaysia. Bersesuaian dengan persekitaran penempatan mereka, kepercayaan dan sosiobudaya etnik ini adalah terpusat ke lautan. “*Kelamat*” adalah istilah yang digunakan oleh kelompok etnik merujuk kepada dukun, manakala *keombo'an* pula istilah yang merujuk kepada semangat pelindung dan roh nenek moyang. Berlatarbelakangkan sejarah yang mempelbagaikan jenis *keombo'an-kelamat* pula merupakan satu elemen yang paling bersignifikasi dalam melengkapkan kitaran kosmos dalam persembahan teater ritual Igal. Kelompok etnik percaya *kelamat* merupakan penjaga kunci yang menghubungkan dua alam yang terpisah (mikro kosmos - alam manusia dan makro kosmos- alam semangat metafizik). Ketika persembahan ritual dijalankan, pelbagai *keombo'an* akan melintasi kosmos dan masuk ke dalam badan *kelamat* untuk berkomunikasi dan merestui kelompok etnik tersebut. Tanpa kehadiran *keombo'an*, kelompok etnik percaya persembahan ritual yang dijalankan tersebut telah gagal dan objektif persembahan dilaksanakan tidak dapat dicapai. Walau bagaimanapun, amalan kepercayaan *keombo'an* adalah satu amalan yang bertentangan dengan syariat Islam, iaitu hal yang memerangkap kelompok etnik dalam konflik di antara dua kepercayaan yang mereka pegang. Oleh itu, makalah ini merungkaikan signifikasi lestari *kelamat-keombo'an* terhadap kepercayaan kosmologi etnik

melalui persembahan teater-ritual Igal. Pendekatan etnografi dan teori persembahan Richard Scherchner digunakan untuk mensintesisasi signifikansi kepelbagaian watak dan perwatakan *keombo'an*- melalui permainan watak di tahap liminal persembahan ritual pengubatan Igal, sebagai sebuah dasar bagi pembentukan dan pembangunan teater tradisional etnik Bajau Pantai Timur Sabah.

Kata kunci: *Kelamat, keombokan, ritual, teater, Bajau Laut, kepercayaan kosmologi.*

ABSTRACT

Bajau Laut or Sama Dilaut is seafarer's ethnics of east coast Sabah, Malaysia. Accordingly, to their settlements, Bajau Laut belief and socialcultural are centered to the sea. Kelamat is a term by the communities referring to the shaman-whiles keombo'an is a term denotes to the holy spirits and the spirits of the ancestors. With a history of myth in diverted the keombo'an- Kelamat is highly significant element in order to complete the cosmos circle in the healing ritual performances. The communities' belief, Kelamat is the key holder to connect the two separated worlds- (micro cosmos-the human world and macro cosmos-the spirit world). During the performances of the healing ritual, various keombo'an will cross over and embodied into the shaman to communicate and to bless the community. Without the embodiments of the keombo'an, the communities' belief that the ritual performed has failed and the objective of the healing rituals performance could not be achieved. However, keombo'an is the Islamic religiously contradict belief which put them into the conflict of two different faiths they devote. Hence, this paper focus in unfold the surviving significant of Kelamat and Keombo'an to the community's cosmological belief-through the performances of their healing rituals. With the ethnography approach and Richard Scherchner performance theory, this paper will further synthesize the significant of the various characters of keombo'an- by the role-plays during the liminal state of the healing rituals; as a sparked foundation of the development in forming the Sabah east coast traditional theater.

Keywords: *Kelamat, keombo'an, ritual, theater, Bajau Laut, cosmological belief.*

PENGENALAN

Semangat dan Permainan Watak dalam Persembahan Ritual Tradisional
Kepercayaan terhadap angin dan semangat serta amalan yang berhubung dengan kepercayaan tersebut bukanlah perkara yang asing di negara-negara rantau Asia Tenggara ini. Kepercayaan terhadap semangat serta roh ini mendorong masyarakat untuk melakukan upacara ritual bagi memastikan keharmonian di antara manusia dan semangat kepercayaannya sentiasa tercapai. Kepercayaan terhadap semangat ini juga telah mendasari sudut pandang dan budaya masyarakat di Asia Tenggara

khususnya di Malaysia yang diwarisi secara turun-temurun daripada nenek moyang. Masyarakat Malaysia sinonim dengan kepercayaan mereka terhadap semangat dan kuasa roh nenek moyang (Osman Bakar, 1994).

Masyarakat di Malaysia mempunyai sistem kepercayaan terhadap semangat yang didasari daripada sekurang-kurangnya tiga campuran pemahaman agama seiring dengan sejarah peradaban Tanah Melayu. Tiga fahaman tersebut adalah kepercayaan pagan, kepercayaan Hindu-Buddha dan kepercayaan agama Islam (Mohd. Kipli, 2012; Osman Bakar, 1994). Pengaruh tiga kepercayaan ini telah memberi kepelbagaian kepercayaan terhadap pelbagai jenis semangat dalam kepercayaan masyarakat Melayu. Semangat daripada kepercayaan pagan lebih tertumpu kepada semangat alam dan roh nenek moyang (Nasuruddin M.G., 2000). Contoh semangat alam adalah semangat padi, semangat bukit, semangat laut dan sebagainya. Sebaliknya, kepercayaan semangat yang diwarisi daripada pengaruh Hindu-Budha adalah kepercayaan terhadap kuasa dan magik yang terdapat pada dewa-dewa dan Tuhan-Tuhan agama tersebut. Selain itu, pengaruh kepercayaan agama Hindu-Buddha ini juga telah membawa kepada satu konsep kepercayaan semangat terhadap dewa-dewi, hantu dan syaitan. Kedatangan Islam sebaliknya telah merubah kepercayaan terhadap semangat ini dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia kepada kepercayaan yang berpusat kepada konsep tauhid dan tasawuf (Mohd Anis, 1993). Konsep kepercayaan masyarakat Melayu setelah kedatangan Islam ditambah dengan konsep kepercayaan terhadap jin dan makhluk halus (bunian).

Ketiga-tiga pengaruh kepercayaan ini telah berasimilasi dan mencapai tahap sinkretisme dan seterusnya menghasilkan satu konsep kepelbagaian kepercayaan terhadap semangat dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia ini (Mohd Kipli, 2012). Kepercayaan terhadap semangat dalam kalangan masyarakat di Malaysia ini dimanifestasikan dalam pelbagai aspek kehidupan mereka. Pengaruh kepercayaan terhadap semangat ini dilihat melalui tatacara dan budaya kehidupan mereka secara holistik seperti amalan kepercayaan dalam pantang larang, adat, kesenian, upacara keraian, upacara keagamaan, ritual pengubatan, seni persembahan tradisional serta lain-lain lagi. Kepercayaan terhadap semangat dalam persembahan ritual dan seni persembahan tradisional masyarakat Melayu ini dapat dilihat melalui banyak aspek persembahan. Kepercayaan tersebut telah mendasari amalan ritual dan seni persembahan teater tersebut dipraktikkan. Antara contoh pengaruh kepercayaan semangat dalam ritual dan seni persembahan adalah upacara membuka dan menutup panggung, memberikan jamuan dan *sagen*, penggunaan peralatan khas seperti mayang dan kemenyan, serta permainan watak (dalam bentuk *trance* bagi ritual pengubatan). Kehadiran semangat dalam proses

pengubatan adalah sebagai satu tanda kepada masyarakat bahawa persembahan yang dijalankan direstui oleh roh nenek moyang dan sebagai tanda bahawa proses pengubatan tersebut akan berhasil (Mohd Kipli, 2009). Masyarakat ini juga percaya terdapat dua jenis semangat iaitu semangat jahat dan semangat baik. Semangat jahat biasanya dipanggil hantu dan syaitan, manakala semangat baik ini biasanya digelar sebagai semangat penjaga atau nenek moyang.

Masyarakat Melayu percaya setiap kewujudan alam di muka bumi ini mempunyai semangatnya sendiri. Justeru, manusia tidak boleh berkelakuan sesuka hati dan sumbang terhadap alam ini bagi menjaga perhubungan antara dua alam tersebut agar keharmonian dalam kehidupan mereka dapat dicapai. Masyarakat Melayu di Malaysia ini juga percaya sekiranya seseorang telah melakukan sesuatu yang sumbang dan menimbulkan kemarahan, semangat satu musibah atau bala akan menimpa mereka dan ritual perlu dijalankan bagi merawat musibah atau bala tersebut. Konsep tulah atau ketulahan ini merupakan satu ‘tanda’ yang wujud dalam sistem sosial dan kepercayaan masyarakat. Ia menjadi satu panduan dan penanda aras kepada setiap tindak-tanduk dan perilaku mereka. Kepercayaan kepelbagaian semangat yang lahir dalam kepercayaan masyarakat Melayu Malaysia ini juga berdasarkan daripada kebergantungan sumber penjaan dan pendapatan ekonomi kelompok masyarakat tersebut. Hal ini demikian kerana, masyarakat Melayu di Malaysia percaya sekiranya perhubungan antara dua dimensi kosmos tidak dijaga, maka semangat alam seperti semangat laut atau semangat padi akan menjadi marah dan seterusnya menyebabkan musibah yang menjejaskan sumber pendapatan mereka.

Kepercayaan yang sama ini turut dikongsi oleh masyarakat pelbagai etnik di Sabah termasuklah komuniti etnik Bajau Pantai Timur Sabah. Amalan kepercayaan ritual etnik Bajau Pantai Timur Sabah yang bertunjangkan kepercayaan animisme yang diwarisi daripada nenek moyang ini telah sebatu dalam budaya masyarakat tersebut serta berasimilasi dengan agama baharu yang mereka anuti sekarang. Etnik Bajau Pantai Timur Sabah adalah salah satu kelompok etnik yang masih kuat berpegang pada amalan tradisi sehingga ke hari ini (Md. Saffie Abd Rahim *et al.*, 2012). Melalui kajian lapangan yang telah dijalankan selama lebih tiga tahun di daerah-daerah pesisir pantai timur Sabah, didapati banyak ritual yang mempunyai pengaruh amalan animisme (kepercayaan terhadap semangat dan roh nenek moyang) masih dipersembahkan dan diamalkan oleh kelompok etnik tersebut khususnya sebagai satu bentuk rawatan alternatif. Amalan menyeru semangat *Keombo'an* dalam persembahan ritual tradisional kelompok etnik ini merupakan amalan tradisi yang masih lazim dilakukan dalam budaya kehidupan mereka. Semasa proses pengubatan dijalankan, *kelamat*

pada kebiasaannya akan dimasuki oleh *keombo'an* pegangan keluarganya atau pegangan keluarga pesakit atau semangat bebas yang hadir membantu merawat pesakit yang sedang diubati. *Keombo'an* yang masuk ke dalam tubuh *kelamat* ini terdiri daripada pelbagai jenis dan bentuk, bergantung kepada keperluan dan tuntutan upacara yang dipersembahkan. *Kelamat*, *Dayang-dayang* atau pesakit yang dimasuki oleh semangat *keombo'an* akan bertukar watak dan perwatakan serta beraksi mengikut jenis semangat yang merasuk tubuhnya semasa proses pengubatan dilakukan. Kewujudan atau penampakan (*embodiment*) *keombo'an* melalui tubuh manusia ini merupakan satu penunjuk aras kepada bermulanya proses rawatan dan pengukur kepada kejayaan sesebuah persembahan ritual yang dikerjakan tersebut.

Penyatuan *keombo'an* dan *kelamat* ini terjadi dalam ritual pengubatan hanya setelah gerbang yang memisahkan dua dimensi, iaitu mikro kosmos dan makro kosmos dibuka oleh *kelamat*. Bagi memastikan gerbang dimensi yang menghubungkan dua ruangan kosmos ini dibuka, *kelamat* akan melakukan proses memanggil atau menjemput atau menyeru semangat penjaga dengan melakukan proses-proses ritual tertentu secara tertib. Empat elemen kosmos (tanah, air, api dan angin) hendaklah disatukan dalam proses menyeru ini bagi memastikan gerbang dimensi terbuka dan *keombo'an* dapat berpindah daripada dimensi metafizik kepada dimensi nyata (Sharifuddin Zainal *et al.*, 2018). Selain empat elemen kosmos tersebut, *kelamat*, jiwa dan kepercayaannya adalah satuan yang menjadi elemen kosmos kelima dalam menghadirkan *keombo'an* semasa proses ritual pengubatan dilakukan. *Kelamat* memainkan peranan yang besar dalam melakukan proses penyatuan empat unsur kosmos dan kemudian menyatukan dirinya dengan mengongsikan tubuhnya untuk dimasuki oleh *keombo'an* yang hadir. Oleh itu, *kelamat* merupakan elemen kosmos terpenting yang menjadi kunci kepada kehadiran *keombo'an* dalam sesebuah ritual pengubatan etnik Bajau Pantai Timur, Sabah.

Etnik Bajau Pantai Timur Sabah ini mempercayai kewujudan kepelbagaian semangat *keombo'an*. Jenis dan bentuk semangat *keombo'an* ini pula berbeza-beza bergantung kepada pegangan keluarga, subetnik dan bentuk upacara yang dijalankan. Melalui kajian yang telah dijalankan, penyelidikan ini mendapati ada banyak persamaan yang wujud dalam kepercayaan terhadap kepelbagaian jenis *keombo'an* dalam kalangan sub-subetnik Bajau Pantai Timur Sabah ini. Melalui temu bual-temu bual yang telah dilakukan semasa kajian lapangan dengan pengamal-pengamal ritual tradisional di daerah-daerah pantai timur, penyelidik telah menjumpai satu teras pusat serta dasar yang membentuk kepercayaan kepelbagaian *keombo'an*, seterusnya kepelbagaian permainan watak

dan perwatakan dalam persembahan ritual tradisi etnik tersebut. Makalah ini memfokuskan kepada analisis kepelbagaian permainan watak dan perwatakan dalam tiga jenis ritual pengubatan etnik Bajau Pantai Timur Sabah. Tiga ritual tradisional yang akan dibincangkan dalam artikel ini adalah;

1. Ritual pengubatan *Ngalai Berasyik* etnik Bajau Kota Marudu, Sabah.
2. Ritual pengubatan *Panansang* etnik Bajau Kampung Gelam-gelam, Pulau Bum-Bum Semporna, Sabah.
3. Ritual pengubatan *Magbuaya* etnik Bajau Kampung Seloka Empat, Pulau Bum-Bum Semporna, Sabah.

Tiga ritual pengubatan tradisi ini dipilih atas faktor pewujudan fizikal semangat yang jelas melalui proses *trance* yang berlaku semasa ritual pengubatan tersebut dipersembahkan. Seterusnya, melihat ritual sebagai simbol kolektif yang dipersembahkan oleh kelompok etnik dalam memmanifestasikan sudut pandang, budaya dan kepercayaan mereka (Schechner, 1993; Jennings, 1995).

Legenda Arung Salamiah Etnik Bajau Pantai Timur Sabah

Arung Salamiah merupakan satu legenda yang sangat signifikan dalam kepercayaan etnik Bajau Pantai Timur Sabah, khususnya kelompok subetnik Bajau Laut yang menetap di daerah Semporna dan pulau-pulau di sekitarnya. Arung Salamiah merupakan satu ikon puteri Bajau yang terkenal dengan kesaktiannya khususnya dalam berhubung dan berkomunikasi secara langsung dengan makhluk-makhluk metafizik atau *keombo'an*. Arung Salamiah telah diangkat sebagai ikon orang sakti masyarakat Bajau kerana kebolehannya berkomunikasi dan berhubung secara langsung dengan *keombo'an* semasa hayatnya wujud sebagai seorang manusia. Arung Salamiah kini dipercayai merupakan salah satu *keombo'an* yang hadir sebagai semangat penjaga dalam ritual pengubatan etnik Bajau.

Melalui temu bual bersama informan dan sorotan kajian lepas yang telah dijalankan, etnik Bajau Laut memperingati Arung Salamiah sebagai ikon Puteri Bajau melalui pertandingan Ratu Lepa semasa festival Regatta Lepa disambut. Anugerah Arung Salamiah juga akan diberikan kepada peserta Ratu Lepa yang memiliki dan kelembutan tari mirip Arung Salamiah semasa pertandingan Ratu Lepa dijalankan (Fauzrina Hj Bulka, 2017). Masyarakat etnik Bajau Laut khususnya di Semporna mempercayai mitos dan kewujudan Arung Salamiah. Oleh itu, seperti yang ditemukan melalui kajian lapangan, masyarakat Bajau Laut tidak akan pergi menangkap ikan dan menjalankan aktiviti laut di sekitar perairan Pulau Bohey Dulang sepanjang bulan Safar mengikut kalendar Islam

bagi menghormati semangat Arung Salamiah. Hal ini demikian kerana, Bohey Dulang dipercayai tempat Arung Salamiah berada setelah dia berpindah dimensi dan bertukar menjadi *keombo'an*.

Terdapat banyak versi legenda yang berhubung dengan mitos Arung Salamiah ini. Walau bagaimanapun, kesemua versi yang pernah dicatatkan tersebut telah menghubungkan Arung Salamiah dengan sifat keramat Pulau Bohey Dulang seperti yang dipercayai oleh etnik Bajau Laut, khususnya Bajau Laut yang tinggal di daerah Semporna.




Foto 1 Gambaran wajah Arung Salamiah
Sumber: Lukisan oleh Yee Ting Wong, Sabah Fest 2010

Artikel ini akan mencatatkan satu versi legenda tersebut seperti yang pernah direkodkan oleh Amsalib Pisalie (2017) dalam kajian sarjananya. Versi cerita beliau diperoleh dari sumber yang sama dengan versi cerita dari sumber yang dirujuk oleh makalah ini. Versi daripada informan yang dirujuk ini merupakan versi yang paling rinci diperoleh merekodkan riwayat legenda etnik Bajau Laut tersebut.

Arung Salamiah merupakan anak kepada Maharadja Tamjihi dan ibunya, Pitla' Alam. Arung adalah gelaran dan panggilan yang digunakan oleh etnik Bajau Laut sebagai panggilan manja untuk anak perempuan mereka. Walau bagaimanapun, terdapat juga kelompok etnik Bajau Laut yang merujuk istilah *Arung* sebagai gelaran yang digunakan kepada Puteri. *Arung* juga digunakan oleh etnik Bugis sebagai gelaran pangkat kepada raja atau puteri. Arung Salamiah seperti yang dicitakan mendapat kesaktiannya semenjak dia dilahirkan. Menurut informan yang ditemu bual, sewaktu Arung Salamiah dilahirkan binatang-binatang dari laut, udara dan darat datang mengerumuni rumahnya menyambut kelahiran Arung Salamiah di dunia. Seperti yang dicitakan ketika

Pitla' Alam mahu melahirkan Arung Salamiah, ikan-ikan di laut berkumpul dan melompat-lompat di bawah rumahnya dan burung-burung terbang berlegar-legar di atas bumbung rumahnya. Kesaktian Arung Salamiah ini pertama kali disedari oleh rakan baik bapanya dan juga merupakan imam di kampung tersebut iaitu Syeikh Imam Maulana sewaktu menyaksikan sitausi saat kelahiran tersebut.

Arung Salamiah kemudian membesar menjadi seorang gadis yang jelita dan baik budi pekerti. Arung Salamiah berkasih dengan seorang pemuda tampan dari kampungnya di Pantau-Pantau, Pulau Bum-Bum, Semporna. Tanjung Kalang merupakan rakan sepermainan yang membesar bersama-sama Arung Salamiah. Selain memiliki kejelitaan yang tiada tolok bandingnya, Arung Salamiah juga mempunyai kelebihan menari dan *berkalang*. Masyarakat yang menyaksikan tarian yang dipersembahkan Arung Salamiah akan terpesona dan terasa seperti dirasuk. Selain itu, kemerduan suara Arung Salamiah diceritakan juga mampu menundukkan seluruh alam. Kesaktian suara Arung Salamiah ini digambarkan sekiranya dia *berkalang*, segala makhluk alam termasuk binatang dan jin akan segera datang dan tunduk kepadanya. Namun, kelebihan suara dan rupa paras Arung Salamiah ini telah mencetuskan tragedi dalam hidupnya. Kisah tragedi hidup Arung Salamiah bermula dengan tibanya kapal yang membawa rombongan Datu Jamalul Alam Datu Ladja Baginda Ali ke pesisir pantai Pantau-pantau tersebut. Datu Jamalul Alam bersama 50 orang pengikutnya telah berlabuh di pantai Pantau-Pantau bagi melindungi dirinya daripada perang sepanjang pelayarannya ke Sulu. Berdasarkan pangkat keturunannya, Datu Jamalul Alam disambut oleh Mahardja Tamjihi dan masyarakat kampung dengan majlis *magtaakup*. Semasa majlis tersebut, Arung Salamiah telah menarik tarian Igal diiringi oleh alunan *kalang* yang *dilugukan* oleh Tanjung Kalang. Datu Jamalul Alam dan masyarakat kampung yang terpesona dengan tarian Arung Salamiah ini dirasuk dan mula menari bersama Arung Salamiah dengan gerakan-gerakan yang menyerupai haiwan tertentu. Hal ini berlarutan sehinggalah Tanjung Kalang bangun dan menari bersama Arung Salamiah.



Foto 2 Gambaran Arung Salamiah menari tarian *Panansang* bersama Tanjung Kalang.

Sumber: Lukisan oleh Yee Ting Wong, Sabah Fest 2010

Datu Jamalul Alam yang telah jatuh cinta dengan Arung Salamiah kemudiannya menghantarkan rombongan ke rumah Maharadja Tamjihi untuk meminang gadis tersebut untuk dijadikan isteri. Arung Salamiah menolak lamaran Datu Jamalul Alam yang terkenal dengan sifat *berbini-bini* dan mempunyai ramai isteri ini. Walau bagaimanapun, pihak keluarga Arung Salamiah telah menerima lamaran Datu Jamalul Alam kerana desakan kuasa dan pangkat yang dipegang oleh beliau. Namun, dalam masa yang sama juga Maharadja Tamjihi telah mengarahkan Arung Salamiah untuk lari dan bersembunyi sehingga keadaan tenang. Arung Sariah dan dayang mereka, Bunga Liru telah menghantar Arung Salamiah sehingga ke pantai Kampung Pantau-Pantau dan kemudian pulang semula ke rumah mereka bagi menyamar sebagai kakaknya. Mengikut apa yang diceritakan, mereka telah dibantu oleh saka pari yang dikenali sebagai *Ombo' Banag*⁷ dan roh saka penyu yang dikenali sebagai *Ombo' Baidan*⁸.

Kehilangan Arung Salamiah ini kemudian sampai ke pengetahuan Tanjung Kalang dan Datu Jamalul Alam. Datu Jamalul Alam yang berangkat telah datang ke rumah Arung Salamiah untuk mendapatkannya. Sebelum itu, Tanjung Kalang pula bersama rakan-rakannya telah berjumpa Arung Sariah dan berjaya memujuk Arung Sariah untuk memberitahu tempat persembunyian Arung Salamiah. Tanjung Kalang akhirnya bertolak ke Bohey Dulang untuk mendapatkan Arung Salamiah. Pada malam 12 Muharam itu, Tanjung Kalang telah tiba di pantai Bohey Dulang namun gagal menemukan Arung Salamiah. Dia berdoa semoga dia dibantu untuk

bertemu dengan Arung Salamiah. Dia kemudiannya *berkalang* dan *kalangannya* itu disambut oleh Arung Salamiah dari gua di atas bukit pulau tersebut. Mereka saling berbalas *kalang* untuk melahirkan rasa rindu dan cinta mereka.

Tanjung Kalang akhirnya berjaya memujuk dan membawa pulang Arung Salamiah ke Pantau-Pantau. Tanpa mereka sedari pada masa tersebut samaran Arung Sariah telah terbocor oleh Datu Jamalul Alam. Berang dengan penipuan tersebut, Datu Jamalul Alam bertindak membakar rumah orang-orang kampung dan membunuh mereka. Maharadja Tamjihi Pitla' Alam, Arung Sariah, Syekh Imam Maulana dan Bunga Liru sempat melarikan diri ke pesisir pantai dan bertemu dengan Arung Salamiah dan *Tanjung Kalang* yang baru tiba.

Mereka membuat keputusan untuk melarikan diri bersama, namun sempat diserang oleh Datu Jamalul Alam dan pengikut-pengikutnya. Justeru, pertempuran bermula antara kedua pihak ini di pesisir pantai tersebut. Datu Jamalul Alam akhirnya berjaya membunuh Maharadja Tamjihi, Pitla Alam, Bunga Liru, *Tanjung Kalang* dan Sheikh Imam Maulana (bapa, ibu, pengasuh, tunang dan rakan baik kepada bapa Arung Salamiah). Arung Sariah dan Arung Salamiah yang menyaksikan keadaan tersebut bergegas ke perahu dan melarikan diri. Arung Sariah dalam keadaan berlinangan air mata menolak perahu yang dinaiki oleh Arung Salamiah ke laut sebelum mereka sama-sama melarikan diri menggunakan perahu tersebut. Datu Jamalul Alam dan pengikut-pengikutnya juga menaiki perahu dan mengejar kedua beradik tersebut. Sheikh Imam Maulana yang melihat keadaan tersebut itu sempat berdoa dan meminta tolong kepada semangat alam agar Arung Sariah dan Arung Salamiah ini selamat dari Datu Jamalul Alam. Serentak dengan itu dia menghembuskan nafas terakhir dan cuaca tiba-tiba bertukar menjadi ribut.

Air laut tiba-tiba berombak besar dan guruh saling menyabung. Walau bagaimanapun, perahu Arung Salamiah terlihat tenang terapung di atas seekor ikan pari raksaksa yang sangat besar jelmaan kepada *Ombo' Banag'*. Menurut kisah yang diceritakan ini juga kapal-kapal yang dinaiki oleh Datu Jamalul Alam tidak dapat bergerak kerana air laut menjadi kering disedut oleh Jin Laut. Jin Laut kemudian menghempaskan ombak besar yang menenggelamkan kapal-kapal Datu Jamalul Alam bersama pengikut-pengikutnya.

Arung Sariah dan Arung Salamiah kemudian terapung-apung selama sehari semalam di atas perahu yang terletak di belakang badan *Ombo' Banag'*. Mereka akhirnya tiba di pesisir pantai Bohey Dulang pada 15 Muharam mengikut kalendar Islam. Setibanya di sana Arung Salamiah telah melarang adiknya, Arung Sariah

untuk terus mengikutinya. Arung Salamiah memberikan sebuah *Kancing Bokko* kepada Arung Sariah dan berpesan demi keamanan kehidupan umat manusia dia akan terus menyembunyikan diri. Arung Salamiah juga meminta Arung Sariah menghalakan *Kancing Bokko* tersebut ke arah gua persembunyiannya sebagai satu-satunya tanda peringatan kepada hubungan mereka.

Arung Salamiah juga berpesan setiap hari tersebut (15 Muharam) di antara pertengahan waktu, saat wujud bulan dan matahari dia akan menjelmakan dirinya di depan gua untuk dilihat oleh Arung Sariah. Arung Salamiah mengucapkan selamat tinggal kepada Arung Sariah dengan janji terakhirnya, iaitu sekiranya ada di antara keturunan mereka kelak yang ditimpa sakit atau musibah, serulah namanya, *berkalanglah* dan dia akan hadir membantu. Arung Salamiah kemudian ghaib dalam guanya dan Arung Sariah pula hilang dibawa buih-buih putih air laut (Amsalib Pisalie, 2017).

Kepelbagaian Semangat dan Permainan Watak dalam Ritual Pengubatan Etnik Bajau

Masyarakat etnik Bajau Kota Marudu, Sabah membahagikan kelompok-kelompok semangat kepada konsep tempat kediaman semangat tersebut. Melalui kajian lapangan yang telah dijalankan, informan penyelidikan telah menyenaraikan sekurang-kurangnya lima jenis semangat yang hadir ketika upacara pengubatan tersebut dipersembahkan. Masyarakat Bajau ini juga mengelak untuk menyebut nama sebenar semangat-semangat tersebut secara terus. Hal ini disebabkan menurut kepercayaan mereka, sekiranya mereka menyebut nama-nama semangat tersebut, semangat akan terseru untuk hadir dan upacara hendaklah dijalankan. Sekiranya upacara tidak dijalankan musibah akan melanda kerana perbuatan tersebut dipercayai seolah-olah mempermain-maikan semangat *keombo'an*. Oleh hal yang demikian, etnik Bajau Kota Marudu ini akan merujuk semangat sebagai gelaran 'orang' dengan sinonim kepada tempat asalnya.

Antara jenis-jenis semangat yang hadir dalam persembahan ritual Ngalai Berasik ialah Orang Kayu. Orang Kayu adalah panggilan yang merujuk kepada semangat yang tinggal di hutan, di tanah, di gunung, di pokok-pokok, di padang, di semak dan belukar. Orang kayu ini menurut Puan Oyong¹⁰ (informan) adalah semangat dalam kelas kebanyakan dan pertengahan¹¹. Orang Kayu ialah semangat yang kasar dari segi kelakuan dan keperibadiannya. Menurut informan juga, pada kebiasaannya Orang Kayu menyelesaikan masalah dengan cara yang keras dan tidak terdorong kepada perbincangan. Sifat orang kayu adalah licik dan suka bermain-maian. Melalui kewujudan dalam proses rasukan tubuh, sifat-sifat Orang

Kayu ini dapat dianalisiskan melalui gaya bercakap yang kasar dan sikap panas baran yang telah dilakukan melalui badan induk yang dimasuki mereka. Orang Kayu ini kebanyakannya adalah lelaki dan boleh terdiri daripada panglima, laksamana dan semangat-semangat binatang darat.

Orang Pulau adalah semangat yang dirujuk hadir daripada laut dan pulau. Seperti juga Orang Kayu, Orang Pulau merupakan semangat dalam kelas kebanyakan atau pertengahan. Orang Pulau merupakan semangat laut yang hadir dalam unsur air. Seperti juga sifat semangat dari kelas tersebut, Orang Pulau juga mempunyai perwatakan yang agak kasar. Orang Pulau pada kebiasaannya akan hadir menyelesaikan masalah-masalah yang berlaku di wilayahnya. Orang Pulau terdiri daripada Raja Laut, semangat haiwan laut dan duyung.

Selain Orang Kayu dan Orang Pulau, Orang Lopak juga merupakan semangat yang datang dari kelas pertengahan. Lopak merujuk kepada tempat air bertakung dan dalam konteks ritual ini ia merujuk kepada belukar, tasik, sungai dan lembah. Menurut temu bual bersama informan, Orang Lopak merupakan semangat dalam kelas pertengahan. Walau bagaimanapun, Orang Lopak boleh terdiri daripada dua jenis, iaitu yang baik (yang hadir untuk membantu) dan yang jahat (yang hadir untuk mengganggu). Orang Lopak yang hadir mengganggu ini adalah semangat yang kotor. Pada kebiasaannya, semangat yang kotor ini mempunyai keperibadian yang lebih kasar seperti ketawa yang besar dan mengilai. Semangat yang kotor ini juga menuntut sajian-sajian yang kotor seperti darah ayam, daging ayam mentah, bara api dan sebagainya. Orang Lopak ini boleh terdiri daripada hantu seperti pontianak, pocong, hantu raya dan sebagainya.

Orang Langit merupakan semangat yang hadir dari kelas atas iaitu langit atau kayangan. Orang Langit merupakan kumpulan semangat yang halus dan bersih. Orang Langit ini juga dikenali sebagai Orang Jiwa-jiwa dalam kalangan etnik Bajau Kota Marudu. Gelaran ini diberikan oleh kelompok etnik tersebut berdasarkan kepada keperibadian semangat yang halus dan bersih. Orang Langit mempunyai sifat penyayang dan cenderung untuk membantu dengan cara yang baik dan berunding. Walau bagaimanapun, tuntutan Orang-orang Langit ini pada kebiasaannya adalah tuntutan yang besar dan banyak. Orang Langit gemar pada keindahan dan kecantikan seperti bunga dan wangi-wangian daripada bunga-bunga. Ketika upacara dijalankan, warna kuning digunakan bagi melambangkan kehadiran Orang Langit. Menurut informan yang ditemu bual, Orang Langit ini wujud dalam bentuk raja kayangan, ratu, puteri dan putera kayangan serta Raja perang. Orang Langit juga terkenal dengan sikapnya yang tenang dan sensitif. Orang Langit kebiasaannya hadir dengan senjata mereka bergantung kepada

tujuan upacara dijalankan. Hal ini dapat dikenal pasti melalui aksi yang dilakukan oleh *kelamat* atau pesakit ketika tubuh badan mereka dirasuk.

Jenis semangat kelima yang hadir dalam persembahan upacara ritual pengubatan Ngalai Berasyik adalah *Moro'on*. *Moro'on* adalah merujuk kepada semangat jahat, hantu dari roh orang yang mati membunuh diri. *Moro'on* merupakan semangat yang berada dalam hierarki kelas bawahan. *Moro'on* adalah semangat jahat yang suka membuat gangguan kepada manusia dan menjejaskan kestabilan dua dimensi kosmos. Warna merah digunakan oleh bomoh dalam mewakili *Moro'on*. *Moro'on* biasanya tidak akan diseru dan digunakan untuk membantu dalam proses rawatan semasa upacara ritual sedang berlangsung. *Moro'on* juga sinonim dengan perkataan *mereo'an* yang bermaksud bawah dalam bahasa Bajau Laut Semporna. Pemecahan subetnik telah memberikan satu dimensi kepada kepelbagaian *keombo'an*, bergantung kepada kepercayaan dan ritual pengubatan yang dilakukan. Berbeza dengan Bajau di Kota Marudu, etnik Bajau Laut di daerah Semporna mempunyai pegangan *keombo'an* yang lebih khusus namun masih berbeza mengikut kepercayaan pengamal. Antara *keombo'an* yang wujud dalam ritual pengubatan etnik Bajau Laut Semporna adalah *Ombok Buaya*.

Ombok buaya atau semangat buaya adalah semangat tunggal yang hadir dalam upacara *Magbuaya* etnik Bajau Seloka Empat, Pulau Bum-Bum, Semporna. *Magbuaya* merupakan ritual pengubatan yang menggunakan semangat buaya. *Magbuaya* diterjemahkan sebagai 'berbuaya' dalam bahasa Melayu. Menurut informan (Puan Nulsita Rahim, 50 tahun) yang juga merupakan waris dayang kepada pengamal persembahan ritual *Magbuaya*, semangat buaya pegangan keluarganya adalah buaya betina. Buaya keramat tersebut tinggal di perairan lautan antara Pulau Bum-Bum dan Bohey Dulang. Etnik pengamal ini percaya semangat buaya ini adalah kembar kepada roh nenek moyang mereka yang telah berpindah dimensi dan hidup abadi dalam dunia metafizik. Semasa tubuh dirasuk oleh semangat buaya, bomoh akan berkelakuan seperti buaya iaitu merangkak di lantai berguling dan sebagainya. Namun, buaya tersebut juga akan meminta makanan-makanan manusia seperti nasi kuning, kopi panas dan sebagainya. Semangat buaya ini merupakan semangat bernama, namun etnik ini hanya menggunakan nama gelaran Ombok buaya sahaja.

Tuan Aulia merupakan semangat dewa yang merupakan ketua kepada semua semangat yang hadir dalam ritual pengubatan di Kepulauan Bum-Bum. Tuan Aulia boleh menjelmakan dirinya dalam pelbagai bentuk haiwan, bergantung kepada pembawaan pesakit. Ia merupakan pegangan kepada Ombok Rumiha¹²

dan dipercayai mendampingi keluarga waris *kelamat*. Semangat perempuan ini akan hadir dan merasuki tubuh *kelamat* sewaktu tarian *Penansang* dijalankan. Semangat Tuan Aulia ini dipercayai tinggal di laut Kepulauan Bum-Bum tersebut. Tuan Aulia merupakan roh tanpa jantina yang dipercayai jelmaan kepada Arung Salamiah. Selain hadir dalam jelmaan binatang, Tuan Aulia juga boleh hadir dalam bentuk asalnya (Arung Salamiah), dan dalam bentuk cahaya putih.

Ombok Rumiha pula merupakan *kelamat* pertama di Kepulauan Bum-Bum. Ombok Rumiha telah bertukar menjadi semangat yang turut hadir dalam persembahan upacara ritual *Panansang* dan semangat ini juga akan sentiasa hadir dengan semangat pegangannya dahulu iaitu Tuan Aulia. Selain Tuan Aulia dan Ombok Rumiha, semangat haiwan dan jin juga adalah semangat-semangat yang turut hadir terseru semasa persembahan ritual *Panansang* dijalankan. Antara semangat haiwan yang hadir adalah Ombok Banag (semangat ikan pari), Ombok Bai'dan (semangat penyu betina), Jin Randa (Jin perempuan) dan Jin Lala (Jin lelaki). Semangat jin ini pula pada kebiasaannya akan hadir dalam bentuk haiwan berbisa seperti labah-labah, kala jengking dan ular tedung (Amsalib Pislal et al., 2017). Kesemua semangat ini adalah semangat-semangat yang berhubung secara langsung dengan *Arung Salamiah* semasa hayatnya seperti yang telah direkodkan. Semangat-semangat tersebut terlibat dan disebutkan dalam cerita legenda tersebut sepanjang pengembaraan hidupnya sehinggalah dia berpindah dimensi dan menjadi abadi (bertukar menjadi semangat).

Semangat haiwan atau semangat dalam jelmaan haiwan (jelmaan Tuan Aulia dan Jin Randa serta Jin Lala) yang hadir dalam persembahan ritual *Panansang* adalah semangat pari, penyu, helang, ikan, ular tedung, ular sawa, labah-labah dan kala jengking. Jelmaan-jelmaan haiwan ini dapat dilihat dengan jelas melalui postur tubuh penari yang telah dirangsang oleh semangat yang merasuknya. Bentuk tarian yang ditarikan semasa proses rangsangan berlaku ditentukan oleh jenis semangat haiwan yang hadir. Semangat pari, ikan, ayam dan helang biasanya akan hadir dalam persembahan ritual *Panansang* yang melibatkan hal-hal pengubatan yang positif seperti *kok taun'*, membayar hajat dan sebagainya. Semangat kala jengking, labah-labah, ular tedung dan ular sawa pula akan hadir dalam merawat hal-hal yang melibatkan semangat negatif seperti perbuatan sihir dan ilmu hitam (Amsalib Pislal et al., 2017).

Analisis Watak dan Perwatakan *Keombo'an* Etnik Bajau

Melalui analisis perbandingan yang telah dilakukan terhadap elemen pewujudan fizikal semangat dalam ketiga-tiga ritual ini, penyelidikan telah menemukan beberapa persamaan yang dikongsi dalam amalan persembahan ritual pengubatan etnik Bajau Pantai Timur Sabah ini. Persamaan pertama adalah elemen seruan. Ketiga-tiga ritual ini menggunakan *kalang* sebagai permulaan bagi menyeru dan menjemput semangat untuk hadir ke upacara yang dipersembahkan. Bagaimanapun, kelompok etnik Bajau Kota Marudu yang telah berasimilasi budaya menggelarkan mantera yang dibaca semasa upacara tersebut sebagai *sair Bajau* (syair Bajau). Perbuatan *bersair* (*sair Bajau*) yang dilakukan oleh kelompok etnik Bajau Kota Marudu tersebut mempunyai ciri persamaan dan ciri universal, sesuai dengan idea dan konsep *berkalang* etnik Bajau Laut Semporna.

Persamaan yang kedua pula adalah penggunaan mayang sebagai props dan pusat turun semangat. Mayang adalah satu props yang bersignifikasi sebagai pintu tempat turunnya semangat sebelum masuk ke dalam tubuh *kelamat* atau bomoh yang merawat. Selain berfungsi sebagai pintu, mayang juga digunakan sebagai props atau alat yang digunakan oleh *kelamat* semasa merawat pesakitnya. Selain itu, iringan muzik gabang¹³ juga merupakan satu elemen yang digunakan oleh ketiga-tiga persembahan upacara ritual bagi mengiringi tarian yang dipersembahkan oleh semangat semasa merawat. Tarian juga merupakan satu unsur penampakan kewujudan semangat yang dikongsi oleh ketiga-tiga persembahan ritual tersebut.

Jadual 1 menunjukkan jadual perbandingan persamaan elemen-elemen penghasilan jelmaan fizikal semangat semasa persembahan ritual pengubatan dijalankan. Proses teras penjelmaan semangat yang dilakukan oleh ketiga-tiga ritual ini berkongsi persamaan yang banyak seperti yang telah dinyatakan dalam Jadual 1. Melalui jadual tersebut mendapati persamaan ini wujud sebagai satu wacana yang terhasil dari satu tunjang kepercayaan kosmologi yang dikongsi oleh ketiga-tiga subetnik Bajau tersebut.

Jadual 1 Perbandingan unsur semangat

Unsur Ritual	<i>Panansang</i>	<i>Magbuaya</i>	<i>Ngalai Berasyik</i>
Cara seruan semangat	Kalang	Kalang	Sair Bajau
Jenis semangat	<i>Tuan Aulia</i> <i>Ombok Rumiha</i> <i>Ombok Bai'dan</i> <i>Ombok Banag</i> <i>Jin Randa</i> <i>Jin Lala</i> Ikan Helang Ular sawa Ular tedung Labah-labah Kala jengking Ayam Pari Penyu Arung Salamiah	<i>Ombok Buaya</i>	Orang Kayu Orang Pulau Orang Lopak Orang Langit <i>Moro'on</i>
Props Utama	Mayang	Mayang	Mayang
Alat muzik	Gabang	Gabang	Gabang
Medium komunikasi	Tarian Verbal Aksi	Tarian Verbal Aksi	Tarian Verbal Aksi

Makalah ini juga telah menganalisis bentuk-bentuk semangat atau watak yang hadir dalam ketiga-tiga ritual pengubatan tradisional etnik Bajau Pantai Timur ini. Watak-watak tersebut boleh dikelaskan seperti berikut;

1. watak pahlawan/pendekar/panglima.
2. watak raja, watak ratu/puteri.
3. watak haiwan.
4. watak siluman.
5. watak hantu dan jin.

Jadual 2 menyenaraikan kelompok-kelompok watak yang hadir dalam setiap upacara ritual pengubatan yang diamalkan oleh setiap kelompok subetnik Bajau yang dikaji.

Jadual 2 Pengelompokan watak dan semangat *keombo'an*

	<i>Panansang</i>	<i>Magbuaya</i>	<i>Ngalai Berasyik</i>
Kelompok watak/ semangat	watak raja, watak ratu/ puteri watak haiwan watak siluman watak hantu dan jin	watak haiwan	watak pahlawan/pendekar/ panglima watak raja, watak ratu/puteri. watak haiwan watak siluman watak hantu dan jin

Signifikasi Kosmologi dalam Kepercayaan Semangat Etnik Bajau

Penyelidikan mendapati terdapat satu teras khusus yang menghubungkan dasar kepercayaan *keombo'an* dalam setiap amalan persembahan ritual yang dipersembahkan oleh ketiga-tiga subetnik Bajau Pantai Timur ini. Teras khusus tersebut adalah kepercayaan kelompok etnik terhadap legenda Arung Salamiah. Wacana ini dilakukan hasil pembacaan silang dan analisis wacana yang dilakukan penyelidikan terhadap dapatan kajian. Wacana yang terhasil ini juga dibina daripada pepadanan kisah legenda tersebut dengan elemen-elemen amalan penjelmaan watak semangat dalam ritual yang dipersembahkan. Wacana ini turut dibina selepas proses pembacaan dan analisis data dilakukan berdasarkan jangkakan-jangkakan awal yang diperolehi semasa temu bual bersama informan dijalankan.


Informan utama penyelidikan bagi ritual *Panansang* dan *Magbuaya* telah mengesahkan dan memperakui hubungan langsung penjelmaan semangat *keombo'an* dalam ritual yang dipersembahkan mereka dengan kisah legenda Arung Salamiah. Hal ini kemudiannya dijelaskan lagi dengan padanan watak-watak yang wujud dalam kisah legenda tersebut dengan semangat-semangat *keombo'an* yang hadir dalam persembahan ritual. Ombok Bai'dan dan Ombok Banag dipercayai merupakan semangat pegangan Arung Salamiah yang membantunya melarikan diri daripada ditangkap. Watak-watak jin dan haiwan juga dapat dikaitkan secara langsung dengan kisah legenda tersebut.

Watak buaya merupakan watak yang tidak wujud dalam kisah legenda Arung Salamiah. Namun, informan yang merupakan pengamal kepada upacara tersebut sendiri telah memperakui hubungan semangat pegangannya itu dengan watak legenda tersebut. Hal ini ditambah lagi oleh informan, dapat dibuktikan dengan kepercayaan keberadaan buaya tersebut yang terletak di antara tanah pulau kediaman mereka dengan pulau yang dipercayai menjadi tempat terakhir bersemadanya Arung Salamiah. Ritual *Magbuaya* juga biasanya akan dijadualkan agar tidak dibuat serentak dengan tarikh ritual *Panansang*.

Bagi etnik Bajau Kota Marudu telah terasimilasi dengan budaya hidup etnik-etnik lain. Pengamal ritual sendiri sukar untuk menjelaskan bagaimana asal usul pegangan semangat yang diwarisi oleh mereka tersebut. Namun, penyelidikan ini dengan melihat asal usul etnik Bajau dalam konteks yang meluas, analisis persamaan amalan penjelmaan semangat dan padanan terhadap kepercayaan etnik terhadap etnik tersebut mendapati hubungan di antara amalan kepercayaan watak dengan legenda Arung Salamiah ini dapat dilihat melalui proses penyeruan semangat. Kata kunci penyelidikan dalam melakukan wacana tersebut ialah Kalang. Hal ini demikian kerana, melalui kisah legenda tersebut, Arung Salamiah berpesan kepada adiknya sebelum mereka berpisah sekiranya terdapat masalah yang dihadapi oleh keturunan mereka, Arung Salamiah meminta agar mereka *berkalang* untuk menyeru semangatnya datang membantu.

Justeru, penyelidikan mendapati Arung Salamiah adalah satu ikon yang penting sebagai permulaan kepada segala bentuk ritual pengubatan etnik Bajau yang melibatkan penjelmaan semangat, Igal atau *ngalai* dan *kalang*. Rajah 1 menunjukkan signifikansi Arung Salamiah terhadap kepercayaan *keombo'an*, penjelmaan semangat dan permainan watak yang seterusnya menjadi teras utama kepada watak dan permainan watak teater tradisional etnik Bajau Pantai Timur Sabah. Kisah legenda ini adalah konsep yang menjadi teras kepada permainan watak dan perwatakan yang wujud dalam semua bentuk persembahan teater tradisional sebagai persembahan liminal ritual tradisional yang masih dipersembahkan oleh etnik Bajau Pantai Timur Sabah Ini.

Arung Salamiah dan Ombok Rumiha adalah dua semangat *keombo'an* yang dipercayai pernah wujud dalam bentuk nyata di alam manusia sebelum mereka berlepas ke dimensi alam metafizik. Arung Salamiah yang bertukar menjadi Tuan Aulia telah menjadi pegangan kepada *kelamat* pertama iaitu Rumiha. Rumiha pula selepas berpindah ruang dimensi dikenali sebagai Ombok Rumiha dan menjadi pegangan kepada waris *kelamat* yang lain. Rajah 1 menunjukkan aliran pegangan dan aliran pertukaran dimensi yang telah dilakukan oleh Arung Salamiah dan Ombok Rumiha.



Rajah 1 Pengelompokan watak dan semangat *Keombo'an*

KESIMPULAN

Permainan watak dan perwatakan yang dipersembahkan oleh etnik Bajau Pantai Timur Sabah dalam ritual tradisional ini berpusatkan kepercayaan mereka kepada alam metafizik dan ruang makro kosmos yang dikongsi oleh mereka dan makhluk dari alam metafizik tersebut. Mereka percaya perhubungan dan keharmonian di antara dua alam ini harus sentiasa dipelihara bagi mengekalkan kesejahteraan kedua-dua alam tersebut. Keharmonian di antara kedua alam ini pula hanya boleh dicapai dengan keseimbangan dan kesatuan unsur kosmos. Kajian mendapati *kelamat* adalah pemain utama yang bersignifikan sebagai unsur kelima dalam penyatuan elemen kosmos yang memungkinkan pewujudan *keombo'an* semasa ritual dilakukan. Hal ini telah memberikan satu pengaruh yang besar terhadap perlakuan mereka (kelompok etnik) khususnya dalam menjalankan persembahan ritual tradisional yang berpusat kepada kepercayaan kosmologi berteras kepada legenda Arung Salamuia. Oleh hal yang demikian, kajian mendapati kepercayaan etnik terhadap *keombo'an* dan legenda Arung Salamuia yang mendasarinya bersignifikasi dalam membentuk identiti teater tradisional etnik pantai timur Sabah.

NOTA

- ¹ *Keombo'an* adalah istilah etnik Bajau Pantai Timur yang merujuk kepada semangat alam dan roh nenek moyang.
- ² *Kelamat* merupakan bomoh suci atau ketua bomoh dalam kalangan etnik Bajau Pantai Timur Sabah.
- ³ Pembantu *kelamat* dan penterjemah kepada kata-kata yang diucapkan oleh semangat yang masuk ke dalam tubuh.
- ⁴ Surat khabar dalam talian – <https://www.pressreader.com/malaysia/utusan-borneo-sabah/20170426/281827168654288>.
- ⁵ Majlis menyambut tetamu kehormat.
- ⁶ Kaki perempuan.
- ⁷ Saka yang hadir dalam jelmaan ikan pari. Menurut legenda masyarakat Bajau, ikan pari ini hanya akan menjelmakan dirinya di tepian pantai apabila melihat Arung Salaria dan bermain dengannya.
- ⁸ Dipercayai saka ini adalah daripada haiwan penyu. Menurut kepercayaan masyarakat Bajau Laut yang terdahulu, penyu iaitu *Ombo' Baidan* telah menyelamatkan sekumpulan nenek moyang mereka yang hanyut di lautan kerana bot yang mereka naiki telah karam.
- ⁹ Sebuah kerongsang emas bertatah delima.
- ¹⁰ Puan Oyong berusia 60-an merupakan bomoh atau *kelamat* ritual *Ngalai Berasik* di Kota Marudu.
- ¹¹ Merujuk kepada tempat kediaman mereka yang berada di bumi atau di atas tanah.
- ¹² Ombok Rumiha dipercayai merupakan waris *kelamat* pertama di Kepulauan Bum-Bum, Semporna.
- ¹³ Sebuah alat muzik seakan kulintangan yang diperbuat daripada kayu.

RUJUKAN

- Fauzrina Hj. Bulka. (2017). Inspirasi Lagenda Arung Salaria. Dilayari daripada <https://www.pressreader.com/malaysia/utusan-borneo-sabah/20170426/281827168654288> pada 12 Disember 2019.
- Jennings, S. (1995). *Theatre, ritual and transformation (The Senoi Temiar)*. London: Routledge.
- Md. Saffie Abd Rahim *et al.* (2012). *Bajau Pantai Timur Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Mohd Anis Md Nor. (1993). *Zapin, folk dance of the Malay world*. Singapore: Oxford University Press.
- Mohd. Kipli Abdul Rahman. (2009). *Mabuk mistikal: Semiotik metafizik dalam kuda kepang mabuk*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mohd. Kipli Abdul Rahman. (2012). *Sinkritisme dalam wayang wong Johor*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Nasuruddin, M. G. (2000). *Teater tradisional Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Osman Bakar. (1994). *Perspektif kosmologi tasawuf dalam pemikiran kosmologi Melayu*. Kertas kerja *Seminar Antarabangsa Kosmologi Melayu*. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 24–26 Januari 1994, hlm. 639.
- Schechner, R. (1993). *The future of ritual*. London: Routledge Publisher.
- Sharifuddin Zainal, Mohd. Kipli Abdul Rahman & Mohd Azizul Ibrahim. (2018). Melabuh Ajung: Signifikasi kepercayaan kosmologi dalam pembentukan identiti teater tradisional etnik pantai timur Sabah. *Jurnal Gendang Alam*, 8(4), 47-68.

Sharifuddin Zainal, Mohd Kipli Abdul Rahman, Esterlina Moo Chin Len Lazarus, Muhamed Syafiq Salleh, Yeon Amsalie @ Amsalib Pisali, Patta Arifin Hussin & Mohamad Nor Hisyam bin Musa

Yee Ting Wong. (2011). Arung Salamiah 84 In x 108 In (213.5 x 274.5 cm Commissioned Mixed Media). Based on the legend of Arung Salamiah. Dilayari daripada <http://everythingting.blogspot.my/2011/04/arung-salamiah.html> pada 28 Mei 2016.

Yeon Amsalie @ Amsalib Pisali. (2017). *Analisis fungsi dan struktur tarian Panansang etnik Bajau Semporna*. Tesis Sarjana (tidak diterbitkan). Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu.

Yeon Amsalie @ Amsalib Pisali, Sharifuddin Zainal, Humin Jusilin & Mestrah Lauk. (2017).

Persembahan tarian Panansang dalam ritual penyembuhan masyarakat Bajau Laut. *Jurnal Gendang Alam*, 7(5), 74–95.

TEMU BUAL

Nulsita Rahim, 50 tahun. Kampung Seloka Empat, Pualau Bum-Bum, Semporna. Waris *Kelamat*. 11 November 2018.

